

11 OCT 2002

Mahathir-Air/I

KADAR BARU AIR KE SINGAPURA DILAKSANA SECARA UNDUR TARIKH

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan mengundurkan tarikh kuatkuasa harga baru air yang dibekalkan ke Singapura ke tarikh yang sepatutnya semakan semula kadar itu dilakukan.

Perdana Menteri berkata ini bagi membolehkan Malaysia mengimbuhkan kembali kerugian yang ditanggungnya disebabkan kelewatan dalam menetapkan kadar baru bagi bekalan air itu.

Dr Mahathir berkata Singapura telah mendapat bekalan air yang murah dari Malaysia apabila mereka melambat-lambatkan proses untuk menetapkan kadar harga yang baru itu.

"Sebaik sahaja harganya ditetapkan, ia mestilah dilaksanakan dengan cara mengundurkan tarikh kuatkuasanya. Kita perlu mendapatkan kembali wang yang kita sudah kerugian itu," katanya pada persidangan media selepas melancarkan Hari Penglihatan Sedua 2002 di KLCC di sini.

Malaysia dan Singapura menandatangani dua perjanjian air pada 1961 dan 1962. Mengikut perjanjian pada 1961, Singapura boleh mendapatkan 88 juta gelen air sehari (MGD) dari kawasan tadahan air Pulai dan Sungai Tebrau serta Skudai di Johor sehingga 31 Ogos 2011.

Perjanjian 1962 membenarkan Singapura mendapatkan 50 MGD lagi air dari Sungai Johor sehingga 28 Sept 2061. Kedua-dua perjanjian itu memperuntukkan semakan semula harga air selepas 25 tahun, yang sepatutnya masing-masing pada 1986 dan 1987.

Malaysia kini menjual air mentahnya ke Singapura pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen dan membeli balik air bersih atau yang telah dirawat daripada republik itu pada harga 50 sen setiap 1,000 gelen.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak menyemak semula harga air apabila sampai tempohnya ketika itu kerana memikirkan Singapura juga akan menyemak harga air bersih yang dibekalkan ke Malaysia.

"Tetapi sekarang walaupun mereka menyemak semula air yang dirawat, kita tidak kisah. Mereka boleh mengkaji semula air bersih mereka, kita boleh mengkaji air mentah kita, perlulah ada satu formula," katanya.

Malaysia dan Singapura menandatangani dua perjanjian air pada 1961 dan 1962. Mengikut perjanjian pada 1961, Singapura boleh mendapatkan 88 juta gelen air sehari (MGD) dari kawasan tadahan air Pulai dan Sungai Tebrau serta Skudai di Johor sehingga 31 Ogos 2011.

Perjanjian 1962 membenarkan Singapura mendapatkan 50 MGD lagi air dari Sungai Johor sehingga 28 Sept 2061. Kedua-dua perjanjian itu memperuntukkan semakan semula harga air selepas 25 tahun, yang sepatutnya masing-masing pada 1986 dan 1987.

Malaysia kini menjual air mentahnya ke Singapura pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen dan membeli balik air bersih atau yang telah dirawat daripada republik itu pada harga 50 sen setiap 1,000 gelen.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak menyemak semula harga air apabila sampai tempohnya ketika itu kerana memikirkan Singapura juga akan menyemak harga air bersih yang dibekalkan ke Malaysia.

"Tetapi sekarang walaupun mereka menyemak semula air yang dirawat, kita tidak kisah. Mereka boleh mengkaji semula air bersih mereka, kita boleh mengkaji air mentah kita, perlulah ada satu formula," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia bersedia untuk berunding dengan Singapura mengenai kadar harga baru itu dan berharap Singapura bersedia dengan alasan mereka sebagai asas bagi rundingan itu.

"Kita sudah memberi sebab-sebabnya bagi pihak kita, malangnya Singapura masih terus melambat-lambat perkara itu dan dalam tempoh itu kitalah yang menanggung kerugian.

"Memanglah kita tidak bergantung kepada wang daripada penjualan air untuk menguruskan perjalanan kerajaan, itu perkara kecil tetapi prinsipnya ialah apabila sesiapa membeli air, dia hendaklah membayar harga yang sama," katanya.

Dr Mahathir berkata air yang dijual oleh Johor ke Melaka pun ditetapkan pada harga 30 sen setiap 1,000 gelen, atau 1,000 peratus lebih tinggi berbanding dengan yang dibayar oleh Singapura kepada Malaysia sekarang.

Singapura pula menjual air yang sudah diprosesnya kepada kapal-kapal dengan harga S\$20 setiap 1,000 gelen.

"Mereka membeli air mentah pada kadar tiga sen, memprosesnya dan kemudian menjualnya pada kadar S\$20 bagi setiap 1,000 gelen," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata Malaysia tidak akan memotong bekalan air ke Singapura, sebaliknya mahu terus membekalkannya sebagaimana dalam perjanjian berkenaan. Bagaimanapun perjanjian itu juga membolehkan kadar harga disemak semula.

Mengenai penafian oleh Singapura yang ia telah bersetuju dengan semakan harga air, Dr Mahathir berkata beliau berasa hairan terhadap kenyataan itu memandangkan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong telah memberitahunya yang beliau bersetuju semakan dilakukan.

"Tak tahulah saya, Itulah masalahnya semasa rundingan. Ia amat jelas (persetujuan mengenai semakan). Apa yang beliau tidak begitu bersetuju ialah bahawa kita mengasingkan isu air daripada isu-isu lain.

"Tetapi kita dapati masalah air tidak dapat diselesaikan, sehinggakan isu-isu yang lain itu juga tidak dapat diselesaikan," katanya.

Beliau berkata Singapura tidak mahu Malaysia melaksanakan harga air dan semakannya secara mengundurkan tarik kuatkuasanya, dan terus melambat-lambatkan penetapan harga baru.

Ketika diminta mengulas kenyataan Goh pada Forum Ekonomi Dunia di sini baru-baru ini bahawa Singapura menolak gagasan penubuhan sekretariat Asean+3, Dr Mahathir berkata:

"Singapura menolak setiap perkara yang datang dari Malaysia. Kita menghadapi masalah dalam hal EAEC (Perundingan Ekonomi Asia Timur) dahulu kerana Singapura menolaknya," kata Dr Mahathir, sambil menambah bahawa Malaysia cuba berbuat sebaik mungkin dengan Singapura tetapi ia tidak mungkin terjadi.

-- BERNAMA

AFY AHH JK NMO